

**'Hari ini cakap lain dan esok  
cakap lain pula'**

# PAS lidah bercabang — Dr. M

UM 2 MAY 1986

**JITRA 1 Mei —** Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan PAS sebagai parti yang mempunyai lidah bercabang sepuluh kerana "hari ini mereka bercakap lain dan esok bercakap lain pula."

Perdana Menteri tidak menyebut secara tepat **siapa** **para** pemimpin PAS yang dimaksudkannya, tetapi **salah** seorang daripadanya dipercayai Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Haji Fadzil Nor yang menafikan kenyataannya sendiri **semalam** berhubung dengan **kejujuran** Datuk Sri Dr. Mahathir dalam menganjurkan pertemuan UMNO • PAS **baru-baru ini**.

Dua hari lalu Haji Fadzil disebut oleh **Bernama** sebagai berkata bahawa PAS **yakin** akan kejujuran **dan** keikhlasan **Perdana** Menteri dalam menganjurkan pertemuan itu, tetapi **semalam** **beliau** **mengeluarkan** **kenyataan** menafikan laporan tersebut.

Berucap di hadapan lebih 1,000 orang ahli UMNO di majlis perasmian mesyuarat perwakilan UMNO **Bahagian** Kubang Pasu di **sini** pagi **ini**, Datuk Sri Dr. Mahathir **juga** menyifatkan PAS sebagai sebuah **parti** yang **sesat** kerana tindakan **para** pemimpinnya sanggup melakukan **apa** sahaja walaupun **ia** bertentangan dengan **Islam**.

Dalam hubungan **ini** **beliau** menyebut bagaimana **para** pemimpin PAS sanggup mengambil **tanah** kubur **Ibrahim** Libya untuk dibawa pulang dan dijual sebagai **azimat** sebagai **salah satu** contoh perbuatan yang terkeluar **dari ajaran** Islam itu.

Beliau membidas **para** pengikut PAS yang masih menganggap kematian Ibrahim Libya di **Memali** sebagai **mati** syahid.

Yang lebih teruk lagi, tegas beliau, para pengikut PAS yang datang dari luar untuk mengambil tanah per kuburan orang - orang yang terbunuh itu dan kemudian membawa pulang untuk dijual sebagai azimat.

"Ini sama sekali sudah menyimpang jauh dari ajaran Islam kerana orang - orang Islam tidak boleh menyembah tanah yang penuh segala kotoran," kata Perdana Menteri.

## Tidak senang

Sambil meminta maaf, Perdana Menteri juga berkata, beliau tidak merasa kasihan kepada mereka yang tertipu dan terbunuh di Kampung Memali itu tetapi mengingatkan keluarga mereka yang terkorban itu sudah pasti tidak merasa senang dengan mayat-mayat yang tidak dimandi dan dikapankan sebelum dikebumikan.

"Sampai bila-bila mereka akan merasa was-was sama ada mayat itu patut dimandi atau tidak disembahyangkan sebelum dikebumikan," tambah beliau.

Menurut Perdana Menteri, punca yang terjadi demikian adalah disebabkan fatwa mati syahid yang dikeluarkan oleh para pemimpin PAS kerana kepentingan politik semata-mata dan bukan kepentingan Islam.

"Mereka tamak untuk jadi wakil rakyat dan kalau boleh hendak tubuh kerajaan sendiri dan kemudian salahgunakan kuasa," katanya.

Beliau juga mengingatkan seluruh ahli UMNO supaya tidak mudah terpengaruh dan dirasuk oleh iblis dan syaitan yang bertopengkan serban dan jubah.

"UMNO bertanggungjawab untuk mempertahankan keimanan orang - orang Melayu dan Islam dan jangan membiarkan mereka dihasuti supaya menyokong golongan iblis itu," katanya.

Beliau juga tidak mahu golongan wanita yang lemah turut terpengaruh dengan dakyah dan hasutan itu sebaliknya mahukan wanita - wanita UMNO menjalankan tugas untuk memberi penerangan dan menangkis segala tohmah dari golongan yang membenci kerajaan.

Mengenai pilihanraya; Perdana Menteri menegaskan, kerajaan Barisan Nasional tidak mahu menjadi popular dengan menggadaikan masa depan negara semata-mata untuk menang dalam pilihanraya.

LMAT MUKA 6

## PAS lidah UM 2 MAY 1986 bercabang

Katanya, "Kita tidak mahu orang seka kepada kita dengan cara menyogok wang kepada rakyat, bahkan kita tidak mahu buat janji untuk jadi popular."

Beliau berkata, kerajaan boleh membuat janji kepada rakyat untuk mencapai kemenangan dalam pilihanraya akan datang, tetapi kerajaan terpaksa menimbangkan terlebih dahulu masalah - masalah yang dihadapi sekarang seperti kemelesetan ekonomi.

Menurut Perdana Menteri, walaupun ada ugutan terhadap kerajaan pada masa ini, kerajaan terpaksa bersikap berani untuk mempertahankan tanggungjawabnya kepada negara bahkan tidak boleh sama sekali menjual nasib bangsa dan masa depan

semata-mata untuk menang pilihanraya.

Beliau percaya sebahagian besar rakyat faham masalah yang dihadap sekarang, cuma mereka yang tidak faham kerana mereka sendiri yang tidak mahu faham.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak sanggup meminjamkan wang untuk memenuhi tuntutan kerana merasa bimbang akan menghadapi masalah tergadai masa depan negara kerana mengalami hutang yang berterusan.

Beliau kesal di masa kerajaan menghadapi masalah ini ada pihak - pihak yang menjalankan hasutan dan mengambil kesempatan untuk menekan kerajaan semata-mata untuk kepentingan mereka.